

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Rabu, 9 Ogos 2023**



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN KEDUA 2023**

**Sektor Perkhidmatan terus berkembang dengan indeks volum meningkat
5.0 peratus pada suku tahun kedua 2023**

PUTRAJAYA, 9 Ogos 2023 – Indeks volum Perkhidmatan naik 5.0 peratus pada suku tahun kedua 2023 seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini dalam **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Kedua 2023**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun ini dipacu oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang tumbuh 4.6 peratus, diikuti segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (2.4%), segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (7.2%) dan segmen Perkhidmatan Lain (10.7%)."

Mengulas lanjut terhadap laporan tersebut, beliau berkata, “Indeks volum bagi segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan tumbuh 4.6 peratus dan merekodkan 145.2 mata berbanding 138.8 mata pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Pendorong utama terdiri daripada Perdagangan Borong & Runcit (4.1%) diikuti dengan Penginapan (33.3%) dan Makanan & Minuman (1.3%). Pada masa yang sama, segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan meningkat 2.4 peratus pada suku tahun kedua 2023 kepada 132.8 mata berbanding 129.7 mata pada suku tahun yang sama tahun lepas. Pemacu segmen ini terdiri daripada Profesional, Saintifik & Teknikal dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (10.7%) diikuti dengan Hartanah (4.4%). Sementara itu, Kewangan & Insurans jatuh -2.1 peratus. Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan naik 7.2 peratus kepada 158.4 mata, disumbangkan oleh Maklumat & Komunikasi (3.6%) dan Pengangkutan & Penyimpanan (13.3%). Segmen Perkhidmatan Lain mencatatkan indeks volum 117.6 mata dengan kenaikan 10.7 peratus hasil peningkatan dalam Kesihatan Swasta (9.9%), Pendidikan Swasta (9.5%) dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (12.9%).”

Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun kedua 2023 jatuh -0.6 peratus berbanding suku tahun sebelumnya (Carta 2). Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah bahawa prestasi ini dipengaruhi oleh kejatuhan segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (-4.9%). Walau bagaimanapun, segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dan segmen Perkhidmatan Lain masing-masing mencatatkan peningkatan 0.5 peratus, 1.8 peratus dan 0.4 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa perbandingan suku tahun ke suku tahun bagi pelarasan musim, indeks volum Perkhidmatan naik 2.6 peratus kepada 139.4 mata pada suku tahun ini. Ini disebabkan oleh pertumbuhan dalam segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (4.3%), segmen


Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (0.8%), segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (0.7%) dan segmen Perkhidmatan Lain (4.5%).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun



**Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan
Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 OGOS 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 9 August 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA
SECOND QUARTER 2023

***Services sector continues to grow with the volume index increasing
by 5.0 per cent in the second quarter of 2023***

PUTRAJAYA, August 9, 2023 – The volume index of Services went up by 5.0 per cent in the second quarter 2023 as reported by the Department of Statistics Malaysia today in **Volume Index of Services (2015=100), Second Quarter 2023**. This publication consists of four segments namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment; Business Services and Finance segment; Information & Communication and Transportation & Storage segment; and Other Services segment.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The performance of volume index of Services for this quarter was driven by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment which grew 4.6 percent, followed by Business Services and Finance segment (2.4%), Information & Communication and Transportation & Storage segment (7.2%), and Other Services segment (10.7%)."

Elaborating further on the report, he said, “The volume index for Wholesale & Retail Trade, Accommodation and Food & Beverages segment grew 4.6 per cent to record 145.2 points compared to 138.8 points in the same quarter of previous year. The leading contributors were Wholesale & Retail Trade (4.1%), followed by Accommodation (33.3%), and Food & Beverages (1.3%). Similarly, Business Services and Finance segment increased by 2.4 per cent in the second quarter of 2023 to reach 132.8 points compared to 129.7 points recorded in the same quarter of previous year. The contributors were Professional, Scientific & Technical and Administrative & Support Services (10.7%), followed by Real Estate (4.4%). Meanwhile, Finance & Insurance fell -2.1 per cent. Information & Communication and Transportation & Storage segment rose 7.2 per cent to record 158.4 points, contributed by Information & Communication (3.6%) and Transportation & Storage (13.3%). The segment of Other Services recorded a volume index of 117.6 points with a growth of 10.7 per cent, attributed by the increase in Private Health (9.9%), Private Education (9.5%), and Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services & Other Activities (12.9%).”

For quarter-on-quarter comparison, volume index of Services for the second quarter of 2023 fell -0.6 per cent compared to the previous quarter (Chart 2). Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that this performance was influenced by the decrease in Business Services and Finance segment (-4.9%). However, Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment, Information & Communication and Transportation & Storage segment, and Other Services segment recorded increases with 0.5 per cent, 1.8 per cent and 0.4 per cent, respectively.


The Chief Statistician Malaysia also informed that quarter-on-quarter comparison for seasonally adjusted, volume index of Services increased by 2.6 per cent to record 139.4 points for this quarter. This was driven by the growth in Wholesale & Retail Trade, Accommodation and Food & Beverages segment (4.3%), Business Services and Finance segment (0.8%), Information & Communication and Transportation & Storage segment (0.7%), and Other Services segment (4.5%).

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.


DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Volume Index of Services and Year-on-Year Percentage Change



**Chart 2: Volume Index of Services and
Quarter-on-Quarter Percentage Change**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 AUGUST 2023**